

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI (PASIR MAS)

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tahanan SOSMA yang masih berada di dalam tahanan Kerajaan dan pecahan kesalahan yang dilakukan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Terdapat seramai 283 orang masih berada di dalam tahanan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) atas pelbagai kesalahan iaitu antaranya di bawah seksyen 130J Kanun Keseksaan (mencari atau memberi sokongan bagi aktiviti keganasan), seksyen 130JA Kanun Keseksaan (pergi, menerusi atau dari Malaysia bagi perlakuan keganasan), seksyen 130JB Kanun Keseksaan (memiliki bahan keganasan), seksyen 130V Kanun Keseksaan (mengganggotai kumpulan jenayah terancang) dan seksyen 130Y Kanun Keseksaan (bersekongkol atau bersubahat dengan kumpulan jenayah terancang).